



Tangga Lama Kota Raja Mahadi

Klang, 25 Julai 2019 – Sebuah tangga batu lama di hadapan tapak warisan Kota Raja Mahadi telah ditemui kembali sewaktu kerja-kerja Kajian Arkeologi dilaksanakan oleh syarikat CGB Consultants, pakar runding warisan projek LRT3.

Penemuan ini telah membangkitkan minat pegawai-pegawai MPK untuk mengetahui lebih lanjut tentang sejarah Kota Raja Mahadi. Menurut Faisal Surani dari Persatuan Sejarah Malaysia, terdapat 16 lokasi dan 29 tapak sejarah di sekitar Kota Raja Mahadi yang tidak diketahui ramai, termasuklah tangga batu lama berkenaan.

Jabatan Warisan Negara telah dimaklumkan oleh pihak CGB Consultants tentang penemuan ini dan pihak Jabatan Warisan Negara telah menghantar satu pasukan untuk melakukan pemeriksaan tapak.




Foto tangga batu pada akhir tahun 1960-an manakala foto kiri adalah tangga batu pada tahun 2011

Menarik di dalam

Jejak Warisan Tokoh

Pelantikan Kurator MPK

Warta Warisan MPK diterbitkan oleh:
Pusat Sumber / E-Library MPK,
Bangunan Pejabat Cawangan MPK,
Jalan Tengku Kelana, 41200 Klang.
Kurator: +603 33758088
Pejabat: +603 33758006

Sidang Redaksi

Penaung

YBrs. Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin

Penasihat

Norfiza binti Mahfiz

Pengarang / Editor / Penyelidik

Faisal bin Dato' Haji Surani

Reka Bentuk Grafik & Kreatif

Mazlan bin Yahya
Mohd Shahril bin Sarip

Jejak Warisan Tokoh: Raja Yusuf bin Raja Jumaat



YM Raja Yusuf bin Raja Jumaat dilantik sebagai Orang Besar Istana bergelar Engku Panglima Setia Raja oleh Sultan Ala'eddin Suleiman Shah.

Ayahanda beliau adalah Raja Jumaat bin Raja Abdul Hamid, salah seorang daripada empat hartawan terkenal di Sungai Pinang, Klang manakala bondanya adalah Fatimah @ Che Klang binti Haji Mohd Akil, balu Sultan Abdul Samad. Haji Mohd Akil adalah Imam terakhir Masjid Pengkalan Batu Klang dan Naib Kadi Klang.

Beliau merupakan anak bongsu dan adinda kepada Raja Ahmad dan Raja Nor, isteri YAM Tengku Badar Shah ibni Sultan Ala'eddin Suleiman Shah, Tengku Bendahara Selangor. Isteri beliau adalah YM Tengku Khadijah binti Sultan Ala'eddin Suleiman Shah. Keturunan beliau masih lagi menetap di Kampung Jawa, Klang.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Daerah Klang kaya dengan pelbagai tinggalan sejarah, namun persoalannya ialah bagaimana generasi masa kini dan MPK dapat memanfaatkan segala peristiwa sejarah tersebut untuk kepentingan pembangunan daerah Klang. Perkara ini penting kerana kefahaman masa lalu membolehkan kita merancang pembangunan dengan lebih teliti lagi. Sekiranya elemen-elemen menyayangi tinggalan sejarah menjadi teras dan diterapkan dalam setiap perancangan pembangunan bandar ataupun desa, sudah pasti daerah Klang akan menjadi daerah yang makmur dan menjadi peneraju dalam memartabatkan warisan negara.

Kefahaman tentang sejarah Klang merupakan satu cara untuk menyemai semangat patriotik di kalangan masyarakat agar mereka akan lebih sedar betapa pentingnya peranan mereka dalam menjaga pelbagai aspek pembangunan di daerah ini.

Teringat saya kisah bagaimana penat jerih serta susah payahnya nenek moyang saya meneroka hutan dan membuka beberapa petempatan di Klang ratusan tahun dahulu. Justeru itu wajarlah kita memelihara dan membangunkan Klang bagi kepentingan bersama.

Di sinilah peranan dan tugas seorang kurator di pihak berkuasa tempatan, untuk membantu serta menerapkan aspek sejarah dalam perancangan pembangunan dan memelihara monumen dan kawasan yang mempunyai kepentingan sejarah, warisan dan kebudayaan di samping menjalankan tugas hakiki sebagai seorang penyelidik sejarah serta warisan.

Jabatan-jabatan MPK serta kerajaan dan para pelajar serta penyelidik sejarah yang memerlukan bantuan atau khidmat nasihat dari aspek sejarah, warisan atau budaya, boleh menghubungi saya di Pusat Sumber MPK.

Kepada masyarakat Cina, kami ucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina.

*Faisal bin Dato' Haji Surani
Kurator*



Kutub Khanah Kurator: Seminar Sejarah Daerah Klang 2007

Klang, 3 November 2007 – Seminar tahunan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor (PSMCS) yang telah diadakan di Dewan Dato' Hamzah, menerima sambutan di luar dugaan apabila lebih 400 pelajar sekolah di sekitar daerah Klang telah menghadiri seminar tersebut walaupun masih lagi dalam suasana sambutan Hari Raya Aidil Fitri. Bilangan ini tidak termasuk peserta-peserta yang terdiri daripada guru-guru, kakitangan jabatan awam dan swasta, ahli-ahli PSMCS serta para peminat sejarah tempatan.



Seminar Sejarah Daerah Klang 2007 adalah anjuran bersama PSMCS, Majlis Perbandaran Klang, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Selangor, Jawatankuasa Akademik Sejarah Daerah Klang dan Pejabat Pelajaran Daerah Klang. Tema seminar adalah '*Klang Merentas Masa*'. Sebanyak 12 buah kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar sehari ini oleh ahli-ahli panel yang terdiri daripada para pensyarah dari universiti-universiti tempatan serta pegawai-pegawai kerajaan.

Seminar telah dirasmikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Dato' Ramli Mahmud, yang diwakili Pegawai Daerah Klang, Tuan Bakhtiar Hussin. Turut hadir, Orang Besar Daerah Klang, Dato' Setia Abdul Ghani Pateh Akhir.



Pelantikan Kurator MPK

Klang, 4 Januari 2021 – Dalam usaha MPK untuk merealisasikan rancangan untuk menjadikan Klang berstatus Bandar Warisan serta mencalonkan bandar Klang sebagai Bandaraya Diraja Melayu di bawah UNESCO, MPK telah melantik seorang pakar rujuk dan penyelidik sejarah berpengalaman dari Persatuan Sejarah Malaysia, Encik Faisal bin Dato' Haji Surani, sebagai Kurator MPK.



Pelantikan jawatan ini merupakan yang julung kalinya di kalangan pihak berkuasa tempatan di Malaysia dan di harap akan menjadi perintis kepada pihak berkuasa tempatan lain dalam usaha untuk memartabatkan sejarah dan warisan dalam program pembangunan.

Sebagai anak jati Klang dan daripada keluarga istana, kepakaran dan pengetahuan beliau amatlah ditagih dalam perancangan tersebut dan sebagai persediaan kerjasama MPK dengan Arkib Negara Malaysia.

Sebelum ini, Faisal merupakan penyelidik sejarah dan warisan negeri Selangor, menjadi pakar rujuk beberapa jabatan kerajaan seperti Jabatan Perancang Bandar dan Desa Selangor, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia serta Heritage Output Lab.

Jejak Warisan Klang

Pada tahun 2013, MPK telah memperkenalkan program menyusuri Sungai Klang yang dikenali sebagai *Klang River Cruise*, sebagai salah satu tarikan baru pelancong ke bandar Klang.

MPK telah bekerjasama dengan Persatuan-persatuan Nelayan di daerah Klang yang menyediakan bot-bot untuk membawa pelancong menyusuri sungai Klang.

PERJALANAN MINI CRUISE KLANG

- 1. BANDAR KLANG**
- 2. PENGKALAN BATU**
 - SG. PINANG RANTAU PANJANG
 - SG. UDANG KG. DELEK
- 3. KG. SG. SIREH**
 - * Burung Helang
 - * Produk Makanan Laut
 - * Restoran
- 4. TANJUNG HARAPAN**
 - * Replika Kapal Bugis
 - * Port Klang Gold Resort
 - * Medan Muara Ikan Bakar
 - * Restoran Seri Muara (KIOS MPK)

Other locations mentioned: DR. SULTAN SULEIMAN, AGAN HAILAM (Restoran Bagan Hailam, Restoran Bagan Seafood), PELABUHAN KLANG (* Kelah Pelayar DiRaja, * Jeti Pulau Ketam, * Jabatan Laut, * Jabatan Perikanan).

MINI CRUISE KLANG

MAJLIS PERBANDARAN KLANG



Tok Batin dan keluarga

Foto-foto dari koleksi
"Voyage de la Semiramis – Mission du Dr. Louis Lapicque 1892 – 1894"

Klang Tempoh Dulu



Kediaman Tok Batin di Bukit Prah Klang pada tahun 1893.